

Sikap kasar bukti Amerika tidak endah perasaan orang lain — PM

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**
dan **ASUKI ABAS**

10 OCT 2002
KUALA LUMPUR 1 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Amerika Syarikat (AS) langsung tidak mengendahkan perasaan orang lain sehingga sanggup berkasar dengan ketua negara asing atas alasan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, selain peristiwa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diarahkan membuka kasut dan tali pinggang, beliau sendiri turut menyaksikan bagaimana pegawai AS bercakap dengan keras untuk menjalankan pemeriksaan dalam jet Kerajaan Malaysia yang dinaikinya.

“Sewaktu saya sampai di New York untuk ke Washington dulu, pegawai yang menaiki jet tersebut dengan keras berkata: Tidak ada sesiapa pun boleh bergerak sehingga kami membuat pemeriksaan.

“Jadi sebenarnya tidak payah lah keras-keras sangat, hendak periksa periksa lah.

“Ini menunjukkan betapa mereka tidak memikirkan langsung (perasaan orang),” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Bioteknologi di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Abdullah semalam

yang menyatakan terpaksa membuka kasut selepas diarahkan oleh imigresen AS.

Timbalan Perdana Menteri diarahkan berbuat demikian di Los Angeles ketika dalam perjalanan untuk menyampaikan ucapan pada persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Prosedur

Mengenai prosedur imigresen baru yang ketat mulai hari ini yang dipercayai ditujukan kepada umat Islam secara am termasuk dari Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau berasa sakit hati dengan langkah tersebut.

“Tentunya saya bengang kerana saya bukannya pencuri, saya bukannya pengganas.

“Kita perlu diperiksa untuk memastikan kita bukannya pengganas jadi adalah amat malang langkah itu diambil,” tegas Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, perasaan anti-Muslim telah pun wujud pada masa sekarang dengan label ‘pengganas’ yang diberikan kepada umat Islam sedunia.

“Sekarang ini sudah adapun perasaan anti Muslim.

“Kerana tindakan beberapa orang, seluruh umat Islam telah dilabel (sebagai pengganas),” katanya.